



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

# KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN

## PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM

KERETA SEWA / KERETA SEWA DAN PANDU /

TEKSI / TEKSI LAPANGAN TERBANG / TEKSI MEWAH

Selaras dengan kuasa yang diperuntukan dalam seksyen 22 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715], Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat dengan ini menetapkan Keperluan Tahap Perkhidmatan iaitu syarat-syarat lesen yang perlu dipatuhi oleh semua pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam seperti yang dinyatakan di Lampiran A.

Keperluan Tahap Perkhidmatan ini hendaklah menjadi dan dianggap sebagai sebahagian serta hendaklah dibaca bersama-sama lesen pengendali yang dikeluarkan kepada pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam.

Keperluan Tahap Perkhidmatan ini hendaklah berkuatkuasa pada 1 FEBRUARI 2024.

Bertarikh pada 1 Januari tahun 2024

**Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat**  
Agensi Pengangkutan Awam Darat  
Kementerian Pengangkutan Malaysia

## SYARAT – SYARAT PELESENAN

### SYARAT AM

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu kenderaan mempunyai Lesen Vokasional (PSV) yang masih berkuatkuasa semasa beroperasi.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan yang digunakan mempunyai Permit Kenderaan yang masih berkuatkuasa semasa beroperasi.
3. Tiada sebarang pengubahan kepada Lesen Pengendali yang merangkumi Permit Kenderaan dan Permit Perkhidmatan boleh dibuat tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).
4. Pengendali Berlesen tidak boleh memberhentikan perkhidmatan semasa tempoh Lesen Pengendali berkuat kuasa, tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat. Permohonan bagi penamatan perkhidmatan hendaklah dibuat 90 hari sebelum tarikh penamatan perkhidmatan.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dipamerkan di dalam kenderaan yang dilesenkan:
  - (a) Permit Kenderaan yang masih berkuat kuasa;
  - (b) Perakuan Pemeriksaan PUSPAKOM yang masih berkuat kuasa; dan
  - (c) Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih berkuat kuasa.
6. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan dan dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715:
  - (a) salinan Lesen Pengendali yang masih berkuat kuasa; dan
  - (b) salinan Permit Perkhidmatan yang masih berkuat kuasa.
7. Pengendali Berlesen hendaklah mengemukakan data, dokumen dan rekod kepada APAD mengikut masa yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
8. Pengendali Berlesen hendaklah bertanggungjawab memastikan pekerja dan pemandu menjaga tingkah laku atau perbuatan semasa beroperasi.
9. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan yang dilesenkan tidak digunakan untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.
10. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bilangan penumpang yang dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan tidak melebihi bilangan maksimum penumpang seperti yang dinyatakan pada Permit Kenderaan.

11. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tiada kenderaan bermotor, haiwan, barangan terlarang atau membahayakan keselamatan pemandu dan penumpang dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan.
12. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan apa-apa tanda badan yang disyaratkan pada kenderaan jelas kelihatan setiap masa.
13. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tiada apa-apa perubahan kepada struktur atau kelengkapan kekal sesuatu kenderaan yang dilesenkan tanpa kelulusan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan.
14. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan diletak dan disimpan di tempat yang tidak melanggar apa-apa peruntukan undang-undang atau di tempat yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) semasa tidak beroperasi.
15. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan setiap kenderaan sentiasa bersih (dalaman dan luaran) dan mempunyai persekitaran yang selesa kepada penumpang.
16. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu tidak mengambil dan menurunkan penumpang di kawasan-kawasan membahayakan penumpang dan pengguna jalan yang lain atau di tempat-tempat yang dilarang di bawah mana-mana peruntukan perundangan yang sedang berkuat kuasa atau di tempat-tempat yang tidak diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
17. Sekiranya berlaku kematian, pengurus dilantik atau waris terdekat kepada Pengendali Berlesen hendaklah memaklumkan kepada APAD dalam tempoh 30 hari dari tarikh kematian. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan Lesen Pengendali ini dibatalkan tertakluk kepada Seksyen 27 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.
18. Sekiranya dikehendaki untuk mengemukakan maklum balas berkaitan aduan, Pengendali Berlesen hendaklah memberi maklum balas tersebut kepada APAD dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh aduan diterima.
19. Pengendali Berlesen hendaklah pada setiap masa mematuhi:
  - (a) Peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715), peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya termasuk Permit Kenderaan dan Permit Perkhidmatan;
  - (b) Peruntukan undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), serta peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya;
  - (c) Peruntukan undang-undang bertulis yang lain, serta peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya; dan
  - (d) Pekeliling-pekeling terdahulu yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Semenanjung Malaysia dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi maksud undang-undang pengangkutan awam darat selagi mana tidak bertentangan dengan syarat-syarat ini atau dibatalkan.

## SYARAT KHAS

### A. Kereta Sewa

#### Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan struktur panel di atas bumbung kereta sewa menggunakan latar belakang berwarna kuning dan mempamerkan perkataan “KERETA SEWA” pada bahagian hadapan struktur panel pada setiap masa.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan piagam pemandu dan penumpang dipamerkan pada bahagian belakang tempat duduk pemandu pada setiap masa.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan Tanda Talian Penting Aduan yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Tanda Talian Penting Aduan) 2023 jelas kelihatan pada badan kereta sewa setiap masa.

#### Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kereta sewa yang muatan duduknya tidak melebihi enam (6) orang, atau dalam kawasan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat, 12 orang (dalam semua keadaan termasuk pemandu) hanya digunakan untuk memberi perkhidmatan membawa orang dalam satu perjalanan sebagai balasan bagi bayaran berasingan yang dibuat oleh mereka.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memberikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan melalui Permit Perkhidmatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
3. Pengendali Berlesen hendaklah mengoperasikan perkhidmatan kereta sewa melalui tahanan tepi jalan atau hentian teksi atau tempahan melalui aplikasi telefon pintar yang diuruskan oleh Pemegang Lesen Perniagaan Pengantaraan *e-hailing* yang masih dalam tempoh kuat kuasa.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu kereta sewa yang menghantar penumpang ke luar kawasan operasi, kembali ke kawasan operasi dalam tempoh 24 jam selepas menurunkan penumpang. Pemandu tersebut dibenarkan mengambil penumpang semasa dalam perjalanan kembali ke kawasan operasi.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan mana-mana pemandu kereta sewa yang keluar dari kawasan operasi bagi tujuan peribadi mendapatkan kebenaran rasmi daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
6. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu kereta sewa mematuhi Kod Etika Pemandu sepertimana di Buku Panduan Pelatih Program Latihan Pemandu.
7. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu kereta sewa tidak melakukan tawar-menawar selepas berjaya mendapat tempahan, sebaliknya memberikan perkhidmatan

berdasarkan tempahan yang diterima atau tempahan yang dibuat melalui aplikasi telefon pintar yang diuruskan oleh Pemegang Lesen Perniagaan Pengantaraan *e-hailing*.

8. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kereta sewa dihantar bagi pemeriksaan berkala di PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh ianya didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

#### Bahagian III – Tambang

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tambang yang dikenakan kepada penumpang adalah berdasarkan kepada tambang terkini sepertimana yang ditetapkan di bawah undang-undang sedia ada atau berdasarkan kepada tambang yang dipaparkan pada aplikasi telefon pintar.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bayaran tambang perkhidmatan kereta sewa disertakan dengan bukti bayaran seperti resit atau lain-lain dokumen yang seumpamanya berdasarkan kepada keperluan APAD dari semasa ke semasa.

#### Bahagian IV – Dokumen

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu kereta sewa sentiasa membawa Kad Pemandu yang masih berkuat kuasa semasa beroperasi dan hendaklah dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715.

## **B. Kereta Sewa dan Pandu**

### Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan jenis kenderaan, had usia kenderaan dan tanda pengenalan kereta sewa dan pandu adalah sebagaimana syarat-syarat yang ditetapkan oleh pemberi kontrak.

### Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kereta sewa dan pandu hanya digunakan untuk dipandu oleh penyewa atau penamanya dan hanya untuk membawa kakitangan atau pelanggan seperti yang ditetapkan dalam kontrak sahaja.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memberikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan melalui Permit Perkhidmatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kereta sewa dan pandu dihantar bagi pemeriksaan berkala di PUSPAKOM sekali dalam setahun bagi dua (2) tahun yang pertama dan selepas itu sekali dalam tiap-tiap enam (6) bulan dari tarikh ianya didaftarkan di JPJ.

### Bahagian III – Tambang

1. Kadar sewaan perkhidmatan kereta sewa dan pandu hendaklah berdasarkan kepada kontrak yang dipersetujui bersama antara Pengendali Berlesen dan pemberi kontrak.

### C. Teksi

#### Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan badan teksi dikekalkan dengan warna merah cili (*chilli red*) pada bahagian badan kenderaan dan putih pejal (*solid white*) pada bahagian atas hud hadapan, bahagian atas bumbung teksi dan bahagian bonet belakang sepanjang tempoh operasi.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan lampu jenis diod pemancar cahaya (*Light Emitting Diode, LED*) pada struktur panel di atas bumbung teksi sentiasa beroperasi dan mempamerkan perkataan 'TEKSI' (berwarna hijau) untuk menunjukkan teksi boleh disewa dan perkataan 'HIRED' (berwarna merah) untuk menunjukkan teksi sedang disewa
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan meter teksi yang dipasang pada bahagian tengah atas papan pemuka (*dashboard*) teksi sentiasa beroperasi
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pelekat kadar tambang teksi dilekatkan pada papan pemuka (*dashboard*) tempat duduk penumpang hadapan dan pada kedua-dua belah pintu tempat duduk penumpang belakang.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan piagam pemandu dan penumpang dipamerkan pada bahagian belakang tempat duduk pemandu pada setiap masa.
6. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan Tanda Talian Penting Aduan yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Tanda Talian Penting Aduan) 2023 jelas kelihatan pada badan teksi setiap masa.

#### Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan teksi yang muatan duduknya tidak melebihi enam (6) orang (termasuk pemandu) hanya digunakan untuk memberi perkhidmatan membawa orang dalam mana-mana perjalanan sebagai balasan bagi satu tambang.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memberikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan melalui Permit Perkhidmatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
3. Pengendali Berlesen hendaklah mengoperasikan perkhidmatan teksi melalui tahanan tepi jalan atau hentian teksi atau tempahan melalui aplikasi telefon pintar yang diuruskan oleh Pemegang Lesen Perniagaan Pengantaraan *e-hailing* yang masih dalam tempoh kuat kuasa.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi yang menghantar penumpang ke luar kawasan operasi, kembali ke kawasan operasi dalam tempoh 24 jam selepas menurunkan penumpang. Pemandu tersebut dibenarkan mengambil penumpang semasa dalam perjalanan kembali ke kawasan operasi.

5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan mana-mana pemandu teksi yang keluar dari kawasan operasi bagi tujuan peribadi mendapatkan kebenaran rasmi daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
6. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi mematuhi Kod Etika Pemandu sepertimana di Buku Panduan Pelatih Program Latihan Pemandu.
7. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi tidak melakukan tawar-menawar selepas berjaya mendapat tempahan, sebaliknya memberikan perkhidmatan berdasarkan tambang pada meter teksi atau tempahan yang dibuat melalui aplikasi telefon pintar yang diuruskan oleh Pemegang Lesen Perniagaan Pengantaraan *e-hailing*.
8. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan teksi dihantar bagi pemeriksaan berkala di PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
9. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan meter teksi dihantar bagi pemeriksaan berkala di PUSPAKOM sekali dalam setahun tanpa mengambil kira usia kenderaan.

#### Bahagian III – Tambang

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tambang yang dikenakan kepada penumpang adalah berdasarkan kepada tambang terkini sepertimana yang ditetapkan di bawah undang-undang sedia ada atau berdasarkan kepada tambang yang dipaparkan pada aplikasi telefon pintar.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bayaran tambang perkhidmatan teksi disertakan dengan bukti bayaran seperti resit atau lain-lain dokumen yang seumpamanya berdasarkan kepada keperluan APAD dari semasa ke semasa.

#### Bahagian IV – Dokumen

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi sentiasa membawa Kad Pemandu yang masih berkuat kuasa semasa beroperasi dan hendaklah dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715.



## D. Teksi Lapangan Terbang

### Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan piagam pemandu dan penumpang dipamerkan pada bahagian belakang tempat duduk pemandu pada setiap masa.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan Tanda Talian Penting Aduan yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Tanda Talian Penting Aduan) 2023 jelas kelihatan pada badan teksi lapangan terbang setiap masa.

### Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan teksi lapangan terbang yang muatan duduknya tidak melebihi tujuh (7) orang (termasuk pemandu) hanya digunakan untuk memberi perkhidmatan membawa orang ke dan dari lapangan terbang sebagai balasan bagi suatu bayaran dan dikendalikan dari suatu pangkalan tetap atau dalam suatu kawasan yang dibenarkan.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memberikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan melalui Permit Perkhidmatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
3. Pengendali Berlesen hendaklah mengoperasikan perkhidmatan teksi lapangan terbang melalui sistem kupon atau tempahan melalui aplikasi telefon pintar yang diuruskan oleh Pemegang Lesen Perniagaan Pengantaraan *e-hailing* yang masih dalam tempoh kuat kuasa.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi lapangan terbang yang menghantar penumpang ke luar kawasan operasi, kembali ke kawasan operasi dalam tempoh 24 jam selepas menurunkan penumpang. Pemandu tersebut dibenarkan mengambil penumpang semasa dalam perjalanan kembali ke kawasan operasi.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi lapangan terbang mematuhi Kod Etika Pemandu sepertimana di Buku Panduan Pelatih Program Latihan Pemandu.
6. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan mana-mana pemandu teksi lapangan terbang yang keluar dari kawasan operasi bagi tujuan peribadi mendapatkan kebenaran rasmi daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
7. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi lapangan terbang tidak melakukan tawar-menawar selepas berjaya mendapat tempahan, sebaliknya memberikan perkhidmatan berdasarkan tempahan yang diterima atau tempahan yang dibuat melalui aplikasi telefon pintar yang diuruskan oleh Pemegang Lesen Perniagaan Pengantaraan *e-hailing*.
8. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan teksi lapangan terbang dihantar bagi pemeriksaan berkala di PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh ianya didaftarkan di JPJ.

Bahagian III – Tambang

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tambang yang dikenakan kepada penumpang adalah berdasarkan kepada tambang terkini sepertimana yang ditetapkan di bawah undang-undang sedia ada atau berdasarkan kepada tambang yang dipaparkan pada aplikasi telefon pintar.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bayaran tambang perkhidmatan teksi lapangan terbang disertakan dengan bukti bayaran seperti resit atau lain-lain dokumen yang seumpamanya berdasarkan kepada keperluan APAD dari semasa ke semasa.

Bahagian IV – Dokumen

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi lapangan terbang sentiasa membawa Kad Pemandu yang masih berkuat kuasa semasa beroperasi dan hendaklah dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715.

## E. Teksi Mewah

### Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan Tanda Talian Penting Aduan yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Tanda Talian Penting Aduan) 2023 jelas kelihatan pada badan teksi mewah setiap masa.

### Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan teksi mewah yang muatan duduknya tidak melebihi tujuh (7) orang (termasuk pemandu) hanya digunakan untuk memberi perkhidmatan membawa orang dari suatu pangkalan tetap atau dalam suatu kawasan yang dibenarkan sebagai balasan bagi satu bayaran.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memberikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan melalui Permit Perkhidmatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
3. Pengendali Berlesen hendaklah mengoperasikan perkhidmatan teksi mewah melalui sewaan khas, kontrak lantikan atau tempahan melalui aplikasi telefon pintar yang diuruskan oleh Pemegang Lesen Perniagaan Pengantaraan *e-hailing* yang masih dalam tempoh kuat kuasa.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi mewah yang menghantar penumpang ke luar kawasan operasi, kembali ke kawasan operasi dalam tempoh 24 jam selepas menurunkan penumpang.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan mana-mana pemandu teksi mewah yang keluar dari kawasan operasi bagi tujuan peribadi mendapatkan kebenaran rasmi daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
6. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi mewah mematuhi Kod Etika Pemandu sepertimana di Buku Panduan Pelatih Program Latihan Pemandu.
7. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi mewah tidak melakukan tawar-menawar selepas berjaya mendapat tempahan, sebaliknya memberikan perkhidmatan berdasarkan terma sewaan khas, kontrak lantikan atau tempahan yang dibuat melalui aplikasi telefon pintar yang diuruskan oleh Pemegang Lesen Perniagaan Pengantaraan *e-hailing*.
8. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan teksi mewah dihantar bagi pemeriksaan berkala di PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh ianya didaftarkan di JPJ.

Bahagian III – Tambang

1. Kadar tambang/ upah perkhidmatan teksi mewah hendaklah berdasarkan kepada persetujuan bersama antara Pengendali Berlesen dan penyewa atau berdasarkan kepada tambang yang dipaparkan pada aplikasi telefon pintar.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bayaran tambang perkhidmatan teksi mewah disertakan dengan bukti bayaran seperti resit atau lain-lain dokumen yang seumpamanya berdasarkan kepada keperluan APAD dari semasa ke semasa.

Bahagian IV – Dokumen

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi mewah sentiasa membawa Kad Pemandu yang masih berkuat kuasa semasa beroperasi dan hendaklah dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715.